



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

MANUAL KESEDARAN SIVIK DAN AMALAN NILAI MURNI DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH





KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

MANUAL KESEDARAN SIVIK DAN AMALAN NILAI MURNI DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH



KASIH SAYANG



KEGEMBIRAAN



HORMAT-
MENGHORMATI



TANGGUNGJAWAB

Maklumat Tentang Buku

Cetakan Pertama 2018

© Kementerian Pendidikan Malaysia 2018

Semua hak cipta terpelihara. Semua bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik secara sebahagian atau keseluruhan, tanpa izin bertulis daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Manual Kesedaran Sivik Dan Amalan Nilai Murni Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah

Diterbitkan oleh:

Kementerian Pendidikan Malaysia

Laman sesawang: www.moe.gov.my

Muka taip teks: Century Gothic

Saiz taip teks: 9.5 pt



Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Visi dan Misi KPM

Visi KPM

Pendidikan Berkualiti, Insan Terdidik, Negara Sejahtera.

Misi KPM

Melestarikan Sistem Pendidikan yang Berkualiti untuk Membangunkan Potensi Individu bagi Memenuhi Aspirasi Negara.

Senarai Kandungan

Perutusan YB Menteri Pendidikan Malaysia	2
Kata Alu-aluan Ketua Setiausaha KPM	4
Kata Alu-aluan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia	6
<hr/>	
Pengenalan	
Latar Belakang	8
<hr/>	
Jun	
KASIH SAYANG:	
Penjimatan Sumber	10
Pemeliharaan dan Pemuliharaan Flora dan Fauna	11
Sayangi Sesama Manusia	12
Saya Anak Malaysia	13
<hr/>	
Julai	
HORMAT-MENGHORMATI:	
Malu Melakukan Perkara Negatif	14
Menghormati Kepelbagai Agama, Bangsa, Budaya dan Bahasa di Malaysia	15
Menghormati Undang-Undang Jalan Raya	16
Mematuhi Peraturan Setempat	17
<hr/>	
Ogos	
BERTANGGUNGJAWAB:	
Menjaga Persekutuan Sekolah	18
Hak Asasi Kanak-Kanak	19
Jujur	20
Menghargai dan Menepati Masa	21
<hr/>	
September	
KEGEMBIRAAN:	
Sahabat	22
Jasamu Dikenang	23
Negaraku Merdeka!	24
Bersyukur	25

Oktober

KASIH SAYANG:

Menghayati Rukun Negara	26
Mengekalkan Warisan dan Budaya Malaysia	27
Kesetiaan Kepada Raja dan Negara	28
Malaysia Tanah Air Ku	29

November

HORMAT MENGHORMATI:

Toleransi	30
Hindari Rasuah	31
Menghargai Alam Sekitar (Amalan 3R)	32

Penghargaan

34

PERUTUSAN YB MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Pendidikan merupakan perkara utama yang berupaya mempengaruhi pembangunan diri individu dan menyediakan pelbagai peluang dalam mencorakkan kehidupan masa depan. Pendidikan juga mendasari proses pembangunan modal insan berinovatif dan berkemahiran tinggi yang menjadi faktor kritikal bagi menyokong pertumbuhan sosial, budaya, dan ekonomi sesebuah negara.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah menetapkan matlamat utama pendidikan negara ke arah melahirkan individu yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berasaskan pegangan teguh dan kepercayaan kepada Tuhan. Justeru, menjelang abad yang baharu, rakyat Malaysia perlu menjadi warganegara yang berminda kelas pertama, teguh jati diri, matang dalam menyimpulkan pandangan serta dinamik dalam mencorak pemikiran.



Pihak Kementerian mengambil pelbagai inisiatif ke arah melahirkan generasi yang cemerlang dan terdidik dengan adab terpuji. Penerapan nilai dan adab perlu menjadi tunjang kepada kemenjadian pembentukan diri seseorang murid secara holistik selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kini, proses pengajaran dan pemudahcaraan pada mana-mana peringkat bukan sahaja hanya berfokus kepada 3M (menulis, membaca dan mengira) tetapi perlu ditambah dengan M yang keempat iaitu manusiawi. Sekolah bukan lagi tempat persaingan tetapi tempat pembelajaran nilai-nilai kemanusiaan.

Nilai teras yang harus kita raikan seperti menyebarluaskan kegembiraan, diterapkan dalam suasana kasih sayang dan hormat-menghormati pula membuatkan hidup aman bahagia. Seiring kemajuan berteraskan revolusi industri 4.0, nilai manusiawi juga seharusnya menjadi tunjang utama. Jika soal nilai dan manusiawi tidak difikirkan pada zaman teknologi ini dikhuatir melahirkan manusia yang bukan sahaja gagal menginsangkan teknologi, sebaliknya mereka pula ditukarkan menjadi seolah-olah jentera berautomasi.

Atas dasar tanggung jawab, pihak Kementerian telah menyediakan Manual Kesedaran Sivik dan Amalan Nilai Murni bagi kegunaan murid sekolah rendah dan menengah. Ia merupakan suatu panduan melaksanakan aktiviti bimbingan ke arah merekayasa amalan nilai murni dalam kalangan murid sekolah. Saya berharap manual ini digunakan secara maksimum bagi memupuk kesedaran, ke arah membina kefahaman sehingga ke peringkat nilai tersebut menjadi amalan dan dibudayakan di dalam kehidupan harian.

Akhir kata, sekalung penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menghasilkan manual ini. Semoga usaha murni ini memberikan impak kepada kemenjadian murid yang bukan sahaja cemerlang inteleknya malah terbilang sahsiahnya. Terima kasih.

YB DR. MASZLEE MALIK

KATA ALU-ALUAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Assalamualaikum dan salam sejahtera.



yabas diucapkan atas penghasilan Manual Kesedaran Sivik dan Amalan Nilai Murni yang bakal menjadi panduan bagi membudayakan nilai murni dalam kalangan murid-murid sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Usaha memupuk kesedaran sivik dan amalan nilai murni adalah menjadi keutamaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Justeru, kefahaman yang jelas dalam kalangan warga kementerian pendidikan dan para pendidik adalah sangat perlu agar pembudayaan nilai murni ini tercapai seperti yang dihasratkan.

Nilai-nilai murni seperti kasih sayang, kegembiraan, hormat-menghormati dan bertanggungjawab akan melahirkan murid yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani ke arah melahirkan masyarakat Malaysia yang sejahtera.



Guru adalah insan terbaik bagi memupuk nilai murni dalam kalangan murid sekolah. Justeru, guru harus membudayakan amalan nilai murni di sekolah dengan menunjukkan contoh tauladan terbaik. Untuk menghasilkan suri teladan dalam kalangan guru, pemimpin sekolah perlu komited dan berlitizam untuk menzahirkan amalan nilai murni dalam kalangan warga sekolah. Saya berharap peranan ini juga disambut baik dan disokong oleh ibu bapa, komuniti dan pihak-pihak pemegang taruh.

Semoga manual ini dapat dijadikan panduan kepada pihak sekolah dalam usaha memupuk kesedaran sivik dan amalan nilai murni di sekolah dengan pelbagai aktiviti yang menarik dan menjadi kenangan kepada murid-murid.

Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di dalam menghasilkan Manual Kesedaran Sivik dan Amalan Nilai Murni ini.

Sekian, terima kasih.

DATO' DR. MOHD GAZALI ABAS

KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Selamat Sejahtera dan Salam Sayangi Malaysiaku



Ahniah kepada semua pihak yang terlibat di dalam menghasilkan Manual Kesedaran Sivik dan Amalan Nilai Murni Kementerian Pendidikan Malaysia. Manual ini disediakan hasil daripada perkongsian dapatan, soal selidik dan temubual dengan pelbagai pemegang taruh institusi pendidikan kita.

Nilai-nilai murni universal merentas agama, fahaman, budaya wajar dijadikan amalan berterusan bagi melahirkan rakyat Malaysia yang memahami kepelbagaiannya adat dan budaya antara satu dengan lain. Apatah lagi dengan kemajmukan rakyat Malaysia, nilai bertanggungjawab, hormat-menghormati, kasih sayang dan kegembiraan sangat wajar diberi penekanan bagi meningkatkan integrasi kaum yang pelbagai. Namun, apa yang paling penting, pembudayaan nilai murni dalam kalangan murid sekolah sebenarnya adalah untuk melahirkan warganegara yang tinggi nilai intelek, dalam masa yang sama terdidik dirinya dengan adab terpuji.



Untuk itu, saya menyarankan agar manual ini digunakan secara efektif di setiap sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia. Enam konteks utama iaitu diri, keluarga, sekolah, masyarakat dan global wajar menjadi asas kepada setiap perbincangan, perkongsian dan aktiviti yang berkaitan dengan kesedaran sivik dan nilai murni di sekolah.

Akhir kata, sesungguhnya usaha yang murni ini memerlukan sokongan dan dokongan mantap daripada semua pihak bagi memastikan hasrat melahirkan murid-murid yang berminda kelas pertama menjadi realiti.

Sekian terima kasih.

DATUK DR. AMIN SENIN



LATAR BELAKANG

P

Penekanan kepada nilai-nilai murni dalam sistem pendidikan di Malaysia amat diberi perhatian. Penekanan yang serius bermula dengan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1982 melalui pendekatan penerapan nilai merentas kurikulum. Penerapan nilai-nilai murni diterapkan melalui semua mata pelajaran yang diajar di sekolah, melalui aktiviti-aktiviti harian dan kegiatan kokurikulum. Ianya selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang memberi penekanan kepada pembangunan manusia secara holistik serta bersesuaian dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dalam anjakan tiga, iaitu untuk melahirkan rakyat yang menghayati nilai.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dalam anjakan tiga adalah untuk melahirkan rakyat yang menghayati nilai. Hal ini kerana murid hari ini akan mewarisi dunia yang penuh dengan cabaran hebat, daripada kemusnahan alam sekitar hinggaalah kepada konflik bersenjata. Untuk berjaya mengharungi segala cabaran ini murid bukan sahaja perlu memiliki kemahiran memimpin, tetapi juga nilai murni-sejagat seperti integriti, belas kasihan, adil, dan altruisme yang dapat membimbing mereka dalam membuat keputusan beretika. Pada masa yang sama, pembangunan warganegara yang global perlu diimbangi dengan pembangunan identiti nasional yang kukuh.

Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Bil.6/2018 pada 4 Julai 2018 telah memutuskan supaya Bahagian Pendidikan Islam bertindak sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Kesedaran Sivik dan Amalan Nilai-Nilai Murni. Keputusan mesyuarat tersebut menjelaskan supaya jawatankuasa tersebut menyelaras konsep nilai murni yang mudah dilaksanakan dengan menerapkan nilai-nilai universal yang terdapat dalam al-Quran dan hadis sebagai satu nilai murni yang boleh diamalkan oleh semua bangsa tanpa mengetepikan kefahaman agama dan budaya masyarakat setempat.

Susulan daripada keputusan tersebut, satu Jawatankuasa Kesedaran Sivik dan Amalan Nilai Murni telah ditubuhkan dan dianggotai oleh bahagian-bahagian di KPM. Bahagian Pendidikan Islam telah melaksanakan beberapa mesyuarat dan perbincangan sebagai gerak kerja ke arah merealisasikan konsep yang dicadangkan.

Konsep kesedaran sivik dan amalan nilai murni telah dibentangkan oleh Jawatankuasa Induk Kesedaran Sivik dan Amalan Nilai Murni kepada YB Menteri Pendidikan pada 1 Ogos 2018. Sehubungan dengan itu, bagi perancangan jangka masa pendek, mesyuarat memutuskan supaya BPI menyelaras dan menyediakan Manual Kesedaran Sivik dan Amalan Nilai Murni sebagai panduan kepada pihak sekolah untuk diuar-uarkan tentang kepentingan kesedaran sivik dan amalan nilai murni semasa perhimpunan mingguan sekolah dan seterusnya menjadi pemangkin kepada penghayatan dan pelaksanaan kesedaran sivik dan amalan nilai murni dalam kalangan warga sekolah khususnya dan masyarakat Malaysia amnya.

Jun

KASIH SAYANG

► Tajuk: Penjimatan Sumber

KANDUNGAN TEKS

Idea

- Kos memproses air mentah sangat tinggi.
- Penjimatan penggunaan air mengurangkan bebanan kewangan negara.

Fokus

- Pendedahan tentang cara-cara penjimatan air.
- Berhemah semasa menggunakan air seperti menutup pili air dengan sempurna.
- Penggunaan pelbagai sumber air semula jadi selain air terawat.

INFO

'Inovasi tingkatkan penggunaan air hujan'

Sumber:-

[http://astroawani.com/gaya-hidup/
inovasi-tingkatkan-penggunaan-air-hujan-159945](http://astroawani.com/gaya-hidup/inovasi-tingkatkan-penggunaan-air-hujan-159945)



ASPEK PENYAMPAIAN

Penggunaan air secara berhemah dapat menjimatkan kos.



Saranan

- Mengelakkan pembaziran penggunaan air dalam aktiviti harian.
- Memaklumkan kepada pihak sekolah atau ibubapa sekiranya terdapat kebocoran paip air.
- Memanfaatkan sumber semula jadi dalam kehidupan harian.



AMALAN BERTERUSAN

Berjimat cermat menggunakan air.

Jun

KASIH SAYANG

► Tajuk: **Pemeliharaan dan Pemuliharaan Flora dan Fauna**

ASPEK PENYAMPAIAN

Menghargai flora dan fauna.



KANDUNGAN TEKS

Idea

- Pembangunan memusnahkan flora dan fauna.
- Kebimbangan terhadap penyeludupan dan pemburuan haram.
- Kepupusan flora bagi tujuan komersial.

Fokus

- Pembangunan terancang mampu memelihara flora dan fauna.
- Mewartakan hutan simpan sebagai aset negara.
- Penguatkuasaan undang-undang.

Saranan

- Memberi pendidikan kesedaran tentang kepentingan flora fauna dalam ekosistem.
- Mengadakan kempen sayangi flora dan fauna.



INFO

Flora Dan Fauna Published in Education Dec 5, 2014.



AMALAN BERTERUSAN

Menghargai anugerah dan ciptaan Tuhan.

Jun

KASIH SAYANG

► Tajuk: **Sayangi Sesama Manusia**



KANDUNGAN TEKS

Idea

- Kekangan komunikasi menjarakkan hubungan kemasyarakatan.
- Kepentingan pelibatan dalam aktiviti kemasyarakatan.

Fokus

- Kepentingan kasih sayang untuk kesejahteraan sejagat.
- Kebersamaan dalam melakukan aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong dan perayaan.

INFO

Keluarga berfungsi sebagai satu institusi yang memberi sokongan emosi dan kasih-sayang. Tingkah laku atau ekspresi positif dan negatif seseorang anak mencerminkan didikan daripada sesebuah keluarga.

Sumber: Norhayati Zulkefl & Zaidah Mustapha. (2016). Remaja daripada ibu bapa yang bercerai di Malaysia: Suatu penelitian ekspresi emosi, GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space 12 issue 9 (150 - 160).

ASPEK PENYAMPAIAN

Sifat penyayang serta ihsan terhadap orang lain.



Saranan

- Memberi sumbangan kepada golongan yang memerlukan seperti anak yatim, mangsa penindasan dan perang.
- Simpati kepada mereka yang tidak bernasib baik.
- Menanam sifat ingin membantu dan suka akan kebaikan.



AMALAN BERTERUSAN

Keprihatinan terhadap keperluan masyarakat.

KASIH SAYANG

► Tajuk: **Saya Anak Malaysia**

ASPEK PENYAMPAIAN

Kebangaan menjadi anak Malaysia.



KANDUNGAN TEKS

Idea

- Keunikan Malaysia di mata dunia.
- Semangat jati diri dalam kalangan manusia.

Fokus

- Kepelbagaiannya bangsa, bahasa masyarakat Malaysia.
- Pengukuhan jati diri melalui penghayatan sejarah negara.

INFO

Penduduk warganegara pada 2018 adalah 29.1 juta. Komposisi etnik Bumiputera mencatatkan majoriti dengan peratusan sebanyak 69.1%. Etnik Cina dan India masing-masing mencatatkan peratusan sebanyak 23.0% dan 6.9%, manakala selebihnya adalah etnik lain-lain.

Sumber:

<https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=T0lmSHlwOXJ1aWlzcjBlam9ObUZpdz09>



Saranan

- Mengekalkan tradisi kunjung-mengunjung pada musim perayaan.
- Mengamalkan toleransi sesama dan antara kaum.
- Perbanyakkan aktiviti yang berkaitan dengan kenegaraan.



AMALAN BERTERUSAN
Sentiasa menjaga imej negara.

Julai

HORMAT-MENGHORMATI

► Tajuk: **Malu Melakukan Perkara Negatif**

KANDUNGAN TEKS

Idea

- Hormati diri sendiri.
- Batasan pergaulan.

Saranan

- Penjagaan kebersihan, keselamatan dan harga diri.
- Menjaga batasan pergaulan diri.

ASPEK PENYAMPAIAN

Malu jika melakukan perkara negatif.



Fokus

- Prihatin terhadap aspek kebersihan, keselamatan dan harga diri.
- Implikasi pengabaian aspek kebersihan, keselamatan dan harga diri.
- Implikasi pergaulan bebas.

INFO

Malu yang dituntut adalah malu daripada melakukan perkara yang negatif serta membawa mudharat dan malu untuk meninggalkan perkara yang baik dan membawa manfaat.

<http://www.yadim.com.my/v2/sifat-malu-membentras-gejala-sosial/>



AMALAN BERTERUSAN


Sentiasa menghormati diri sendiri dan orang lain.



Julai

HORMAT-MENGHORMATI

► Tajuk: **Menghormati Kepelbagaian Agama, Bangsa, Budaya dan Bahasa di Malaysia**



KANDUNGAN TEKS

Idea

- Perpaduan sesama dan antara kaum.
- Toleransi sesama dan antara kaum.

ASPEK PENYAMPAIAN

Menghormati kepelbagaian agama, bangsa, budaya dan bahasa di Malaysia.



Fokus

- Penyertaan pelbagai kaum dalam aktiviti sekolah dan komuniti.
- Berfikiran terbuka kepada keunikan kepelbagaian yang ada seperti menghormati budaya dan kepercayaan orang lain.

Saranan

- Menyertai aktiviti yang melibatkan pelbagai kaum.
- Mengekalkan dan memelihara kepelbagaian warisan masyarakat Malaysia.
- Bekerjasama memahami kepercayaan, bangsa, budaya, bahasa dan agama mereka.



INFO

- Rakyat Malaysia terdiri daripada 20.07 juta Bumiputera (69.1%), 6.69 juta Cina (23%), 2.01 juta India (6.9%) dan 0.29 juta lain-lain kaum (1%)
<https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=T01-mSHlwOXJ1aWlzcjBlam9ObUZpdz09>
- Kepelbagaian budaya, etnik dan agama ini menyebabkan Malaysia kaya dengan sejarah, bahasa dan penulisan serta merupakan antara negara yang terkenal dengan pelbagai juadah makanan.
<https://www.youtube.com/watch?v=DVE5JLBWeF0>

AMALAN BERTERUSAN

Sentiasa mengekalkan sikap toleransi antara kaum.



Julai

HORMAT-MENGHORMATI

► Tajuk: Menghormati Undang-undang Jalan Raya

KANDUNGAN TEKS

Idea

- Kecuaian penyebab utama kemalangan jalan raya.
- Kurang pengetahuan tentang undang-undang jalan raya.

Fokus

- Implikasi tidak mematuhi undang-undang jalan raya.
- Cara membuat aduan dan laporan terhadap salah laku undang-undang jalan raya dengan cara yang betul.

ASPEK PENYAMPAIAN

Kepentingan mematuhi undang-undang jalan raya.



INFO

- Risiko kemalangan jalan raya bertambah lapan kali ganda apabila menggunakan telefon bimbit semasa memandu.
- Pada tahun 2016, sebanyak 202,809 saman dikeluarkan atas kesalahan melanggar lampu merah.

<http://www.utusan.com.my/rencana/utama/tolong-hargai-nyawa-1.547126>

Julai

HORMAT-MENGHORMATI

► Tajuk: **Mematuhi Peraturan Setempat**



ASPEK PENYAMPAIAN

Kepentingan untuk mengetahui dan mematuhi peraturan setempat.

KANDUNGAN TEKS



Idea

- Kegagalan mematuhi undang-undang dan peraturan setempat.
- Penguatkuasaan undang-undang dan peraturan setempat.



Fokus

- Kepentingan disiplin diri.
- Kaedah penguatkuasaan yang lebih berkesan.
- Kesedaran tentang adat resam dan pantang larang di sesebuah kawasan.



Saranan

- Saling mengingati dan menasihati.
- Membuat aduan dan laporan berkaitan perlakuan melanggar peraturan setempat.
- Mematuhi dan menghormati adat resam dan pantang larang di sesebuah kawasan.



INFO

Kenyataan akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia tempat makan sebagai tempat dilarang merokok.

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia


AMALAN BERTERUSAN

Sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan.

Ogos

BERTANGGUNGJAWAB

► Tajuk: **Menjaga Persekutaran Sekolah**



KANDUNGAN TEKS

Idea

- Gejala vandalisme di sekolah.
- Penularan penyakit berjangkit.

Fokus

- Implikasi vandalisme di sekolah.
- Tanggungjawab menjaga persekitaran sekolah.
- Kepentingan menjaga kebersihan persekitaran sekolah.

INFO

Suasana pembelajaran yang sentiasa bersih dan ceria hasil daripada kerjasama dan pertandingan yang sihat diantara murid tentunya akan menghasilkan kecemerlangan dalam akademik dan disiplin murid.

<http://pnc.ump.edu.my/index.php/en/activity/articles/43-umum/134-persekutaran-sekolah-sihat-dan-selamat>

ASPEK PENYAMPAIAN

Kepentingan menjaga kebersihan persekitaran sekolah.

Saranan

- Menjaga dan mengekalkan kebersihan persekitaran sekolah.
- Menggunakan prasarana sekolah secara berhemah.
- Melibatkan diri dengan aktiviti kitar semula.



AMALAN BERTERUSAN

Sentiasa menjaga dan mengekalkan kebersihan persekitaran sekolah.



Ogos

BERTANGGUNGJAWAB

► Tajuk: **Hak Asasi Kanak-kanak**

KANDUNGAN TEKS

Idea

- Penderaan terhadap kanak-kanak.
- Penafian hak kanak-kanak.
- Eksplorasi kanak-kanak.

Fokus

- Jenis-jenis penderaan dan eksplorasi terhadap kanak-kanak.
- Menghormati dan mengiktiraf hak kanak-kanak.

INFO

Konvensyen Hak Kanak-kanak 1989 merupakan satu dokumen yang memberikan perlindungan kepada kanak-kanak dari segi:

- pengabaian
- penderaan
- eksplorasi
- jaminan kanak-kanak mendapat haknya

http://www.academia.edu/13967871/Hak_asasi_kanak-kanak_KONVENSYEN_MENGENAI_HAK_KANAK-KANAK_Hak_asasi_kanak-kanak_KONVENSYEN_MENGENAI_HAK_KANAK-KANAK



ASPEK PENYAMPAIAN

Kepentingan mengetahui dan memahami hak asasi kanak-kanak.

Saranan

- Melaporkan jika berlaku sebarang penderaan dan eksplorasi.
- Bertanggungjawab untuk menjaga hak asasi kanak-kanak.



AMALAN BERTERUSAN

Bertanggungjawab melindungi hak kanak-kanak.

Ogos

BERTANGGUNGJAWAB

► Tajuk: **Jujur**

KANDUNGAN TEKS

Idea

- Salah laku murid di sekolah.
- Menipu sebagai helah membela diri.

Fokus

- Jenis-jenis salah laku.
- Kesan ketidakjujuran.



ASPEK PENYAMPAIAN

Jujur dan amanah dalam kehidupan harian.



Saranan

- Sentiasa jujur dalam setiap percakapan dan perbuatan.
- Menasihati kawan untuk kebaikan.

INFO

Integriti bermaksud kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu pada individu dan sesebuah organisasi. Ia berkait rapat dengan isu etika dan nilai-nilai murni seperti bertindak secara jujur dan amanah dalam setiap tindakan.

<http://www.utusan.com.my/rencana/utama/budaya-integriti-penjawat-awam-1.206016>



AMALAN BERTERUSAN

Sentiasa bersikap jujur dalam apa juar keadaan.

Ogos

BERTANGGUNGJAWAB

► Tajuk: **Menghargai dan Menepati Masa**

KANDUNGAN TEKS


Idea

- Tidak menepati masa.
- Tidak menyiapkan tugas mengikut masa yang ditetapkan.



Saranan

- Menggunakan masa senggang dengan bijak.
- Mengikut peraturan dan undang-undang.
- Menyediakan jadual aktiviti harian.



ASPEK PENYAMPAIAN

Kepentingan menepati masa dan menghargai masa.

Fokus

- Pengurusan masa yang baik.
- Menghargai setiap masa yang diluangkan.



INFO

- Toki wa kane yori, satu peribahasa Jepun yang bermaksud "masa itu lebih berharga daripada emas"
- Sikap mementingkan ketepatan masa ini bukanlah warisan bangsa Jepun sejak zaman lampau. Sebaliknya, ia telah dipupuk ke dalam masyarakat Jepun dalam tempoh yang boleh dikatakan singkat.

ArtikelPenuh:

<http://www.utusan.com.my/rencana/utama/tepati-masa-amalan-jepun-sejak-bila-1.387669#ixzz5fX99cH00>

AMALAN BERTERUSAN

Mengurus masa dengan baik.

September



KEGEMBIRAAN

► Tajuk: **Sahabat**



ASPEK PENYAMPAIAN

Menghargai persahabatan.

KANDUNGAN TEKS

Idea

- Gejala anti sosial.
- Gejala memilih kawan.
- Gejala buli.



Fokus

- Pengaruh rakan sebaya.
- Faktor gejala anti sosial.
- Jenis-jenis buli.



Saranan

- Menghargai rakan-rakan.
- Bekerjasama dalam aktiviti kumpulan.
- Bijak dalam memilih kawan.



INFO

- Tiada diskriminasi (Artikel 2, Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak)
- Hak kepada nyawa, kebebasan dan keselamatan diri (Artikel 3, Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak)

Sumber: rujuk Modul Latihan Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)



AMALAN BERTERUSAN

Sentiasa menghormati dan menyayangi sahabat.

KEGEMBIRAAN

► Tajuk: Jasamu Dikenang

KANDUNGAN TEKS

Idea

- Cetek pengetahuan sejarah.
- Tidak mengenali pemimpin.

Fokus

- Sejarah perjuangan pemimpin/tokoh-tokoh terdahulu.
- Sumbangan perdana menteri Malaysia.



ASPEK PENYAMPAIAN

Menghargai sumbangan pemimpin.

Saranan

- Mengamalkan nilai-nilai murni yang diterapkan oleh pemimpin terdahulu.
- Menghargai sumbangan pemimpin terdahulu terhadap kesejahteraan masyarakat.



INFO

- Ciri-ciri pemimpin yang baik adalah mempunyai daya fikiran jauh ke hadapan atau berwawasan. Mereka akan sentiasa dipandang dan dihargai oleh masyarakat sekeliling sebagai seorang yang mempunyai nilai dan diyakini.
- Terdapat tiga ciri utama dalam kepemimpinan iaitu wawasan yang jelas, nilai baik dan daya kekuatan.
- Pemimpin yang mempunyai wawasan jelas memiliki kemampuan berfikir dalam pelbagai pendekatan bagi mencari alternatif serta mampu memperjelas atau memperhalusi sesuatu yang abstrak kepada yang nyata.
- Memimpin orang lain dengan nilai kasih sayang, teladan serta mempunyai nilai integriti dalam diri.
- Memiliki daya kekuatan hingga mampu menggerakkan orang lain serta mempunyai daya tahan fizikal dan mental.

Prof Madya Burhanuddin Jalal, 3 Ciri Utama Perlu Ada Pada Pemimpin, Artikel Penuh:
<https://www.bharian.com.my/node/217290>

AMALAN BERTERUSAN

Terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong.

September



KEGEMBIRAAN

► Tajuk: **Negaraku Merdeka!**

ASPEK PENYAMPAIAN

Memupuk semangat patriotik.



KANDUNGAN TEKS

Idea

- Kurang pengetahuan.
- Kurang jati diri .
- Tidak berminat tentang sejarah negara.

Saranan

- Bersama-sama mengekalkan kemerdekaan negara.
- Menghormati bendera Malaysia.
- Menyanyikan lagu patriotik dengan semangat.
- Menyambut hari kemerdekaan.

Fokus

- Sebarluas maklumat tentang sejarah negara.
- Bertanggungjawab menjaga dan mengekalkan kemerdekaan negara.
- Bebas dari pemikiran dan ideologi negatif.

INFO

- Pengisytiharan Kemerdekaan Tanah Melayu
Sumber: <http://www.arkib.gov.my/web/guest/pengisytiharan-kemerdekaan-tanah-melayu>
- Tokoh-tokoh kemerdekaan persekutuan Tanah Melayu
Sumber: <https://utmkskptdsite.wordpress.com/2013/06/27/tokoh-tokoh-pejuang-kemerdekaan-malaysia/>



**Sayangi
Malaysiaku**



AMALAN BERTERUSAN

Menghargai kemerdekaan negara.

September



KEGEMBIRAAN

► Tajuk: **Bersyukur**



ASPEK PENYAMPAIAN

Bersyukur dalam kehidupan.

KANDUNGAN TEKS

Idea

- Tidak mengenang jasa ibu bapa dan keluarga.
- Tidak bersyukur dilahirkan dalam dan keluarga dan negara yang sejahtera.

Saranan

- Sentiasa berterima kasih.
- Mendoakan orang yang telah memberikan bantuan.
- Membalas budi ibu bapa contohnya membantu ahli keluarga apabila telah memasuki alam pekerjaan.

Fokus

- Bersyukur melalui perkataan contohnya mengucapkan terima kasih dengan penuh keikhlasan yang terpamer di wajah.
- Bersyukur melalui perbuatan contohnya membala jasa dan nikmat yang diperoleh dengan berderma, menawarkan perkhidmatan secara sukarela, berusaha dan bekerja kuat untuk mencapai cita-cita.
- Bersyukur melalui hati contohnya ikhlas melakukan sesuatu pekerjaan.

INFO

Antara ciri-ciri orang yang bersyukur ialah bersikap positif, berusaha lebih gigih, menghayati budaya kerja bersopan, tidak berbangga dengan kedudukan dan pangkat dan tidak membazirkan perbelanjaan untuk perkara yang sia-sia. Mereka juga merasakan berkhidmat itu sebagai ibadat dalam memberi sumbangan kepada masyarakat, negara dan agama.

Sumber: <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/budaya/artikel/16116-sifat-nilai-nilai-murni-dan-amalan-yang-dituntut>



AMALAN BERTERUSAN

Sentiasa berterima kasih.

Oktobre

KASIH SAYANG

► Tajuk: Menghayati Rukun Negara




KANDUNGAN TEKS

Idea

- Kurang penghayatan kepada Prinsip Rukun Negara.
- Amalan generasi muda yang bertentangan dengan Prinsip Rukun Negara.

Saranan

- Mengingati Prinsip Rukun Negara.
- Menghayati dan mempraktikkan Prinsip Rukun Negara.



ASPEK PENYAMPAIAN

Menghormati dan menghayati Prinsip Rukun Negara.

Fokus

- Kepentingan mengamalkan Prinsip Rukun Negara.
- Dalam konteks keluarga, murid perlu menghormati ibu bapa contohnya berbicara.
- Sikap sopan-santun membentuk masyarakat yang berdisiplin dan bermoral tinggi.

INFO

- Sumber: Rosni Abdull Majid. (2014). Nilai-nilai murni dan budi Bahasa. Jabatan Penerangan Malaysia.
- Sila layari: Makna Rukun Negara
http://www.upm.edu.my/artikel/disebalik_makna_prinsip_rukun_negara-43449?L=en



AMALAN BERTERUSAN

Mengingati dan menghayati rukun negara.

KASIH SAYANG

► Tajuk: **Mengekalkan Warisan dan Budaya Malaysia**

ASPEK PENYAMPAIAN

Mengenali warisan dan budaya dalam negara.



KANDUNGAN TEKS

Idea

- Asimilasi warisan dan budaya.
- Keunikan masyarakat menjadi satu daya tarikan.

Saranan

- Menghormati budaya kaum lain.
- Menggalakkan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi.
- Menggalakkan pelibatan murid berbilang kaum dalam aktiviti di sekolah.
- Menggalakkan budaya ziarah-menziarahi.

Fokus

- Budaya Malaysia yang telah dipengaruhi oleh bangsa Melayu, Cina dan India yang merupakan etnik yang terbesar di negara Malaysia.
- Silang budaya pelbagai kaum di Malaysia.
- Budaya di Malaysia membentuk satu budaya yang unik.
- Kepelbagaian budaya menjadi tarikan pelancong asing.



INFO

<http://www.malaysia.travel/ms-my/my/about-malaysia/culture-n-heritage>



AMALAN BERTERUSAN

Menghargai warisan dan budaya Malaysia.

KASIH SAYANG

► Tajuk: Kesetiaan Kepada Raja dan Negara



KANDUNGAN TEKS

Idea

- Sistem raja berperlembagaan.
- Ketaatan dan hormat kepada raja dan negara.

Fokus

- Institusi raja-raja di Malaysia.
- Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selaku Ketua Negara.

INFO

- Senarai Raja dan Sultan di Malaysia

Sumber:

<http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/184-senarai-sultan-dan-raja-raja.html>

- Kuasa dan Peranan Raja-Raja Melayu dalam Perlembagaan

Sumber:

<http://www.arkib.gov.my/documents/10157/6f1c6800-188b-4885-8ba8-698102207ad1>

ASPEK PENYAMPAIAN

Kepentingan taat setia kepada Raja dan Negara..

Saranan

- Menghormati kedaulatan raja dan negara.
- Menumpukan sepenuh taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong.
- Murid perlu mengenali lambang-lambang kebesaran negara.
- Murid perlu mengenali raja dan pemimpin negara.



AMALAN BERTERUSAN

Menghormati dan menyanjungi institusi diraja.



Oktobre

KASIH SAYANG

► Tajuk: **Malaysia Tanah Air Ku**

ASPEK PENYAMPAIAN

Cintai negaraku Malaysia.



KANDUNGAN TEKS

Idea

- Semangat patriotik dalam kalangan rakyat Malaysia.
- Negara kita tanggungjawab bersama.



INFO

Hari Malaysia disambut pada **16 September** setiap tahun untuk memperingati penubuhan Persekutuan Malaysia pada tarikh yang sama, 1963.

Sumber:

- <http://www.arkib.gov.my/web/guest/penubuhan-malaysia-16-september-1963>
- <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/7407-hari-malaysia.html>

AMALAN BERTERUSAN

Menunjukkan imej yang baik sebagai warganegara Malaysia.

Fokus

- Kejayaan rakyat Malaysia di peringkat dunia dalam pelbagai bidang.
- Peranan dan sumbangan tokoh di peringkat antarabangsa.
- Peranan rakyat Malaysia sebagai warganegara.

Saranan

- Bangga menjadi rakyat Malaysia.
- Berusaha untuk mengharumkan nama negara.
- Menunjukkan imej yang baik sebagai warganegara Malaysia.
- Mengetahui kisah-kisah kejayaan negara dalam pelbagai aspek.



November

HORMAT-MENGHORMATI

► Tajuk: **Toleransi**



ASPEK PENYAMPAIAN

Toleransi dalam kehidupan.



KANDUNGAN TEKS

Idea

- Kekangan pergaulan seharian.
- Toleransi dalam kalangan murid dari segi pelaksanaan tugas, sukan dan aktiviti sekolah.
- Pelibatan murid yang berbilang kaum dalam aktiviti di sekolah tidak menyeluruh.

Fokus

- Kepelbagaian dan perbezaan budaya masyarakat.
- Malaysia mempunyai pelbagai kaum dan etnik.
- Kepentingan mewujudkan toleransi dan kerjasama kaum dan etnik.

Saranan

- Bekerjasama menerima setiap perbezaan budaya dan adat.
- Membudayakan toleransi melalui kepelbagaian aktiviti.
- Menghormati kepelbagaian dan perbezaan antara rakan sebaya dari segi latar belakang, ekonomi, etnik, kaum dan jantina.



INFO

- Antara tiga kaum utama di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India telah pun menetap di tanah ini selama 5 abad.
- Malaysia juga merupakan tanah air kepada kira-kira 80 kaum etnik, terutamanya di Malaysia Timur.

Sumber: <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/1312-ingin-tahu-budaya/masyarakat-majmuk/3242-kaum-kaum-di-malaysia>



AMALAN BERTERUSAN

Sentiasa bertolak ansur dan tolong-menolong antara satu sama lain.

November

HORMAT-MENGHORMATI

► Tajuk: Hindari Rasuah



ASPEK PENYAMPAIAN

Menghindari rasuah.



KANDUNGAN TEKS

Idea

- Tawaran hadiah untuk kepentingan diri.
- Salah guna kuasa untuk melindungi kawan baik daripada dikenakan tindakan dan hukuman.

Fokus

- Bentuk rasuah yang pelbagai.
- Kepentingan memelihara diri daripada terjebak dalam gejala rasuah.
- Kesan rasuah kepada diri, masyarakat dan negara seperti menimbulkan gejala samseng di sekolah.

Saranan

- Menolak sebarang unsur atau sebarang pemberian yang diragui.
- Melakukan sesuatu kerja dengan ikhlas tanpa mengharapkan balasan.
- Menghormati diri dengan menjauhi rasuah.


INFO

- Berdasarkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009) (Akta 694), terdapat empat kesalahan rasuah yang utama iaitu:
 1. Meminta/Menerima rasuah [seksyen 16 & 17(a) Akta SPRM 2009]
 2. Menawar/Memberi suapan [seksyen 17(b) Akta SPRM 2009]
 3. Mengemukakan tuntutan palsu [Seksyen 18 Akta SPRM 2009]
 4. Menggunakan jawatan/kedudukan untuk suapan pegawai badan awam [Seksyen 23 Akta SPRM 2009]

(Sumber: <https://www.sprm.gov.my/index.php/pendidikan/kenali-rasuah>)

AMALAN BERTERUSAN

Melaksanakan tugas dengan amanah dan telus.



November

HORMAT-MENGHORMATI

► Tajuk: Menghargai Alam Sekitar (Amalan 3R)



KANDUNGAN TEKS

Idea

- Pembuangan sampah sarap sewenang-wenangnya.
- Tidak mengamalkan Amalan 3R.

ASPEK PENYAMPAIAN

Penjagaan alam sekitar melalui Amalan 3R (*reduce, reuse, recycle*).



Fokus

- Kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar.
- Kepentingan Amalan 3R dalam kehidupan.
- Kesan tidak menjaga alam sekitar.

Saranan

- Mencipta barang secara kreatif dan inovatif daripada bahan kitar semula (*reuse*).
- Mengurangkan penggunaan plastik dan straw (*reduce*).
- Mengasingkan barang terpakai mengikut jenis untuk dikitar semula (*recycle*).
- Tidak membakar sampah di tempat terbuka

INFO

- Kesan rumah hijau berlaku semasa komposisi gas-gas rumah hijau seperti, karbon dioksida, karbon monoksida, nitrogen dioksida meningkat melebihi tahap normal.
- Implikasi daripada pemanasan global akan menyebabkan lapisan ais di kedua-dua kutub bumi akan mengalami pencairan dan menyebabkan peningkatan aras laut.

(Sumber: https://ms.wikipedia.org/wiki/Kesan_rumah_hijau#Kesan_rumah_hijau_global)

AMALAN BERTERUSAN

Amalan 3R dalam kehidupan secara berterusan.





MANUAL KESEDARAN SIVIK DAN AMALAN NILAI MURNI DALAM KALANGAN MURID
SEKOLAH RENDAH



PENASIHAT

Tn. Hj. Hassan Nudin bin A.Hamid

PASUKAN TINDAK SUSUL

Tn. Haji Mohamad Zaki bin Hamid
Pn. Rosmuni binti Saudin
Cik Noor Aisyah binti Ibrahim
En. Mohd Khairi bin Ramlee
En. Mohd Fadzil bin Ibrahim

PANEL PENULIS MANUAL KESEDARAN SIVIK DAN AMALAN NILAI MURNI SEKOLAH RENDAH

Cik Noor Aisyah binti Ibrahim
Dr. Nur Hanani binti Hussin
En. Mohd Khairi bin Ramlee
Datin Nor Sa'adah Binti Mat Akhir
En. Ruzain Syukur bin Mansor
Pn. Nurulain binti Aezman
Pn. Fauzalina binti Ahmad
Tuan Bismi Izani binti Tuan Ab. Rahman
En. Mohd Helmie bin Musa
Pn. Lim Tsuey Lan
En. Mohd Sukri bin Aziz
En. Sundarajan Nadarajan
En. Anwar bin Mohd Salleh
Pn. Siti Salmah binti Othman
Pn. Norhayati binti Haji Muhamad Arazi
Pn. Haslindawati binti Mohamad Isa
Pn. Siti Yusheila binti Md Rashid

PANEL PENULIS MANUAL KESEDARAN SIVIK DAN AMALAN NILAI MURNI SEKOLAH MENENGAH

Pn. Rosmuni binti Saudin
En. Mohd Hamidi bin Zakaria
En. Mohammad Shariffuddin bin Jahuri
En. Hairul Hisyam bin Adam
En. Muhamad Zamri bin Awang
En. Mohd Khamal bin Md Daud
Pn. Nor Anisa binti Musa
En. Ahmad Salehuddin bin Shafie
En. Najjah bin Opir
Pn. Salina binti Busrowi
Pn. Nor Aishah binti Raduan
Pn. K. Jasmine Annie Cleetus
Pn. Maizatul Akmal binti Shafie
Pn. Juma'ayah binti Md Yasin
Pn. Azizah binti Hj. Mohd Rasol
Pn. Mazli Sham binti Abdullah
Pn. Yang Lai Wan



PANEL SEMAKAN PRUF MANUAL KESEDARAN SIVIK DAN AMALAN NILAI MURNI

Pn. Rosmuni binti Saudin
En. Mohd Hamidi bin Zakaria
En. Mohammad Shariffuddin bin Jahuri
Cik Noor Aisyah binti Ibrahim
En. Mohd Khairi bin Ramlee
En. Mohd Fadzil bin Ibrahim
Datin Nor Sa'adah Binti Mat Akhir
Pn. Than Chew Keok
En. Hj. Mohd Rashid bin Mean
En. Abd Aziz bin Haji Mohd Darus
Pn. Fildza binti Ab Razak
En. Mohd Ezuan bin Abd Kadir
En. Mohd Mohni bin Iskandar
Pn. Nor'ain binti Ab. Rahman
Pn. Norzilah binti Kabri
En. On bin Arasad
Pn. Rosmah binti Lamat
Pn. Samsiah binti Abu Samah
Pn. Zainita binti Hussain
Pn. Zamiah binti Ab Ghani
En. Zunaidi bin Harun
En. Aminuddin bin Sarmiran
En. Mohd Faizullah bin Buyong
En. Mohd Norhisham bin Ahmad
Pn. Fahimah binti Ali Hassan
En. Mat Ariffin bin Ismail
En. Ahmad Rafedy bin Ahmad Raidin
Pn. Rohana binti Ali

**Manual Kesedaran Sivik dan Amalan Nilai Murni
Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah**

Kementerian Pendidikan Malaysia

